

SULIT



SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH
KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM SELARAS SBP

TAHUN 2011
PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2
OGOS

3756/2

$2\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Tulis jawapan anda pada **Kertas Helaian Tambahan** yang dibekalkan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak diprogram.*
7. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas ini mengandungi **11** halaman bercetak

BAHAGIAN A**[60 MARKAH]**Jawab **semua** soalan

1 Anda dikehendaki menjawab di dalam kertas jawapan sendiri.

(a) Berikan akaun **kontra** bagi akaun induk di bawah:

	Akaun Induk	Akaun Kontra
(i)	Akaun Jualan	
(ii)	Akaun Modal	

[2 markah]

(b) Catatkan urusanniaga berikut ke dalam Jurnal Am.

Pada 15 Julai 2011, pemilik perniagaan alat tulis mengambil 5 rim kertas bernilai RM50 untuk kegunaan pejabat.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit

[2 markah]

(c) Nyatakan 2 prinsip asas perakaunan yang digunakan untuk merekod aset bukan semasa.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(d) Hitung peruntukan hutang ragu yang akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi.

Penghutang RM5 000

Peruntukan hutang ragu RM120

Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 2% atas penghutang

[2 markah]

(e)

Anggaran Belian	RM25 000
Belian Sebenar	RM20 000

Hitungkan varian. Berikan kesan varian tersebut terhadap perniagaan.

[2 markah]

- 2 Afiq, Ammar dan Ashraf ialah pekongsi dalam Perkongsian 3A yang menjual alatan pertanian. Berikut adalah Imbangan Duga yang diambil daripada buku perkongsian selepas untung kasar diperolehi pada 31 Julai 2011.

Ikatan Perkongsian menyatakan:

- (i) Untung atau rugi diagihkan mengikut nisbah 3:1:1.
- (ii) Ammar akan dibayar gaji RM6 000 setahun.
- (iii) Faedah atas modal akan dibayar 5% setahun.
- (iv) Faedah atas ambilan akan dikenakan 10% setahun.

Imbangan Duga Pada 31 Julai 2011		
	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Ogos 2010		
Afiq		72 000
Ammar		48 000
Ashraf		44 000
Akaun Semasa 1 Ogos 2010		
Afiq		1 400
Ammar	1 000	
Ashraf		600
Ambilan:		
Afiq (1 November 2010)	8 000	
Ammar (1 Mac 2011)	6 000	
Ashraf (1 Ogos 2010)	6 000	
Penghutang dan Pemiutang	46 000	51 000
Peruntukan Hutang Ragu		2 000
Tunai di tangan	5 000	
Susut Nilai Terkumpul Premis		24 000
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		16 000
Premis (kos)	120 000	
Kenderaan (kos)	40 000	
Bank	10 000	
Gaji pekerja	7 500	
Insurans	9 600	
Angkutan Keluar	7 900	
Promosi	12 000	
Untung Kasar		80 000
Stok Akhir	60 000	
	339 000	339 000

Maklumat tambahan:

- (i) Angkutan keluar terakru RM1 100.
- (ii) Hutang lapuk dihapuskira RM1 000
- (iii) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan 4% atas baki penghutang.
- (iv) Kenderaan akan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan manakala premis disusutnilaikan pada kadar 5% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (v) Insurans dibayar untuk setahun dan berakhir pada 31 Oktober 2011.
- (vi) Gaji pekerja termasuk gaji Ammar sebanyak RM5 000.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Julai 2011. (termasuk penyata pengasingan untung rugi) [14 markah]
- (b) Akaun Semasa setiap pekongsi berbentuk lajur. [3 markah]
- (c) Kunci Kira-kira pada 31 Julai 2011. [8 markah]

3 Maklumat berikut telah diambil daripada buku perakaunan Kelab Fotografi Unik.

Baki-baki aset dan liabiliti :

	01 Julai 2010 RM	30 Jun 2011 RM
Perabot	5 400	6 390
Stok kafetaria	7 300	4 540
Penghutang	700	830
Bank	18 000	25 630
Pemiutang	1 200	600
Yuran ahli tertunggak	500	300
Yuran ahli terdahulu	200	400
Kadar bayaran terdahulu	90	-
Sewa diterima terakru	500	1 000

Penerimaan sepanjang tahun berakhir 30 Jun 2011 :

	RM
Yuran ahli	3 700
Yuran masuk	550
Kutipan pertandingan 'Gambar Si Comel'	1 500
Derma	150
Penerimaan daripada penghutang	800
Sewa diterima	5 000
Jualan kafetaria	4 800

Pembayaran sepanjang tahun berakhir 30 Jun 2011 :

	RM
Pembayaran kepada pemiutang	730
Belian kafetaria	890
Kadar bayaran	280
Majalah dan akhbar	120
Perabot	2 300
Upah pekerja kafetaria	1 750
Belanja pertandingan 'Gambar Si Comel'	1 200
Kursus dan latihan	1 600

Maklumat Tambahan :

- i. Sebahagian kafetaria disewakan kepada Ming Enterprise dengan RM500 sebulan.
- ii. Majalah dan akhbar masih belum dijelaskan sebanyak RM60.
- iii. Derma yang diterima dianggap sebagai pendapatan hasil.

Anda dikehendaki *menyediakan*

- | | |
|---|-------------|
| (a) Akaun Kawalan Pemiutang. | [1 markah] |
| (b) Akaun Kawalan Penghutang. | [1 markah] |
| (c) Akaun Yuran. | [4 markah] |
| (d) Akaun Perdagangan Kafetaria bagi tahun berakhir 30 Jun 2011. | [6 markah] |
| (e) Pengiraan untuk mencari keuntungan atau kerugian bagi pertandingan 'Gambar Si Comel'. | [1 markah] |
| (f) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2011. | [12 markah] |

- 4 Reena seorang peniaga Kedai Bunga Reena menerima Penyata Bank bagi bulan Mac 2011. Beliau mendapati baki akhir Penyata bank berbeza dengan baki di Buku Tunainya. Berikut adalah Buku Tunai dan Penyata Bank bagi bulan tersebut.

Buku Tunai (Ruangan Bank)

Tarikh	Butiran	Jumlah	Tarikh	Butiran	No. Cek	Jumlah
2011		RM	2011			RM
Mac 5	Jualan	700	Mac 1	Baki b/b		4 500
7	Arina	1 000	2	Belian	5111	950
12	Jualan	1 500	7	Alatan Pejabat	5112	500
16	Azrin	890	10	Syarikat Mawar	5113	600
20	Rita	1 800	15	Kadar Bayaran	5114	250
22	Salmi	990	28	Insurans	5115	400
23	Julia	550	29	Gaji	5116	450
27	Jualan	1 500	31	Baki h/b		2 185
28	Komisen	105				
29	Arina	800				
		9 835				9 835
Apr 1	Baki b/b	2 185				

Penyata Bank

Tarikh	Butir	No. Cek	Debit	Kredit	Jumlah
2011			RM	RM	RM
Mac 1	Baki b/b				(3 490)
4	Cek	5111	950		(4 440)
5	Cek	5110	1 010		(5 450)
8	Cek	5112	500		(5 950)
6	Deposit			700	(5 250)
8	Buku Cek		25		(5 275)
9	Deposit			1 000	(4 275)
12	Cek	5113	600		(4 875)
13	Deposit			1 500	(3 375)
15	Dividen : Koperasi MM			120	(3 255)
16	Cek	5114	250		(3 505)
16	Deposit			980	(2 525)
19	Pindahan Kredit : Kedai Cempaka			500	(2 025)
20	Pinjaman : Perintah Sedia ada		350		(2 375)
22	Deposit			909	(1 466)
26	Faedah atas overdraf		225		(1 691)
27	Sewa : Perintah sedia ada		600		(2 291)
31	Caj Bank		50		(2 341)

Maklumat Tambahan:

- i. Cek yang didepositkan pada 16 Mac 2011 dan 22 Mac 2011 tersalah catat dalam Buku Tunai.
- ii. Cek yang diterima pada 23 Mac 2011 dikembalikan oleh pihak bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar".

Anda dikehendaki:

- (a) Mengemaskini Buku Tunai Kedai Bunga Reena pada 31 Mac 2011. [12 markah]
- (b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2011 bermula dengan baki Buku Tunai terselaras. [8 markah]

- 5 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kilang Batik Sentosa di Seremban, Negeri Sembilan pada 31 Disember 2010.

	RM	RM
Stok pada 1 Januari 2010 :		
Barang siap	8 876	
Bahan langsung	7 450	
Alatan kilang	1 800	
Kerja dalam proses	4 230	
Belian bahan langsung		32 400
Jualan barang siap		125 000
Bahan bakar kilang		1 439
Pulangan bahan langsung		468
Insurans		1 348
Kadar bayaran kilang		2 050
Bahan bungkusan		850
Gaji kerani pejabat		4 890
Sewa		6 300
Angkutan keluar		850
Upah buruh tak langsung		5 300
Belian alat tulis kilang		840
Duti import bahan langsung		630
Angkutan masuk bahan langsung		350
Upah pekerja langsung		18 640
Jentera		48 000
Susut nilai terkumpul jentera		14 400
Belian alatan kilang		4 500
Belanja am kilang		2 180
Stok pada 31 Disember 2010 :	8 990	
Barang siap	6 310	
Bahan langsung	5 100	
Alatan kilang	3 850	
Kerja dalam proses		

Maklumat tambahan:

- (i) Jentera disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (ii) Alatan kilang disusutnilaikan mengikut kaedah penilaian semula.
- (iii) Angkutan Masuk bahan langsung sebanyak RM150 telah tersalah catat dalam Angkutan Keluar.
- (iv) Sewa dibahagikan antara kilang dan pejabat dengan nisbah 2:1.
- (v) Sebanyak 25% daripada belanja insurans adalah untuk kilang.
- (vi) Kadar bayaran kilang terakru sebanyak RM500.
- (vii) Belanja am kilang terdahulu sebanyak RM300.
- (viii) Alat tulis yang belum digunakan pada 31 Disember 2010 sebanyak RM40.

Anda dikehendaki *menyediakan* :

- (a) Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

[15 markah]

- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

[5 markah]

- 6 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Dhivya pada 31 Disember 2010.

Buku Tunai (petikan)

	RM
Gaji	28 000
Sewa	4 800

Imbangan Duga (petikan)

	Debit	Kredit
	RM	RM
Penghutang	5 000	
Peruntukan Hutang Ragu		400
Lengkapan (1 Januari 2010)	12 000	
Susut Nilai Berkumpul Lengkapan		2 280

Maklumat tambahan :

Pelarasan di bawah belum diambil kira pada akhir tempoh perakaunan.

- (i) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan kepada 5% daripada penghutang.
- (ii) Pada 31 Disember 2010 Dhivya membawa masuk lengkapan bernilai RM 2 800 sebagai modal tambahan.
- (iii) Lengkapan disusutnilaikan 10% mengikut kaedah baki berkurangan.
- (iv) Gaji terakru RM400.
- (v) Sewa dibayar adalah untuk tempoh 1 Jun 2010 hingga 31 Mei 2011.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Peruntukan Hutang Ragu. [3 markah]
- (b) Akaun Susut Nilai Berkumpul Lengkapan. [3 markah]
- (c) Akaun Gaji. [3 markah]
- (d) Akaun Sewa. [3 markah]
- (e) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 (petikan). [3 markah]
- (f) Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2010 (petikan). [5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT